



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### **ANUGERAH PINGAT HANG TUAH DIBERIKAN KEPADA WIRA CILIK, ADIK MUHAMMAD DANISH RAYQAL SEMPENA SAMBUTAN HARI KANAK-KANAK KEBANGSAAN TAHUN 2022**

**KUALA LUMPUR, 27 November** – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menganjurkan Sambutan Hari Kanak-Kanak Kebangsaan Tahun 2022 yang bertemakan “**Keterangkuman dan Kepelbagaian Untuk Setiap Kanak-Kanak**” pada hari ini. Majlis sambutan ini telah dirasmikan oleh YABhg. Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Dr. Wan Ismail.

Sambutan Hari Kanak-Kanak Kebangsaan Tahun 2022 ini diadakan antaranya bertujuan untuk memberi penghormatan dan pengiktirafan kepada kanak-kanak dengan meraikan hak mereka selaras dengan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak. Sambutan ini juga menggalakkan penyertaan kanak-kanak dalam aktiviti sihat dan bermanfaat serta memperkaya bakat, idea dan memperkukuh nilai jati diri dalam kalangan mereka selaku pewaris masa depan negara. Kanak-kanak turut dilibatkan secara langsung dalam penganjuran sambutan pada kali ini antaranya sebagai juruacara majlis, pembaca doa dan lain-lain.

**“Hari Kanak-Kanak seharusnya menjadi satu platform yang berkesan untuk memperaku, mempromosi dan meraikan hak kanak-kanak yang perlu diterjemahkan dalam bentuk tindakan yang**

**berkesan yang akhirnya akan menjadi paksi untuk kehidupan kanak-kanak yang lebih sejahtera. Pelbagai isu seperti perubahan iklim, pendidikan, kesihatan mental, perkauman, diskriminasi dan sebagainya, akan memberi kesan kepada kanak-kanak dan wajarlah kanak-kanak lantang bersuara mengenai perkara ini untuk masa hadapan yang lebih baik dan saksama. Kanak-kanak adalah waris dan penentu masa hadapan negara. Melalui mereka, kita menaruh harapan, aspirasi, impian dan janji Malaysia yang lebih baik”** ujar YABhg. Dato’ Seri Dr. Wan Azizah dalam ucapan perasmianya.

Menurut beliau lagi, pelbagai inisiatif yang dilaksanakan untuk manfaat kanak-kanak pada hari ini merupakan satu pelaburan utama dan penting dalam segala aspek kehidupan kerana ianya akan memberi impak pada masa hadapan. Semakan semula Akta Kanak-kanak, penggubalan Dasar dan Pelan Tindakan Kanak-kanak yang baharu merupakan antara usaha strategik yang perlu dilaksanakan dengan penuh teliti, inklusif, menyeluruh dan mengambil kira pandangan semua pihak.

Dalam majlis ini, YABhg. Dato’ Seri Dr. Wan Azizah telah menyampaikan Anugerah Pingat Hang Tuah kepada Adik Muhammad Danish Rayqal yang telah menunjukkan sifat keberanian yang istimewa dan luar biasa menyelamatkan dua orang adiknya yang berusia enam tahun dan empat tahun dalam satu bencana kebakaran rumah pada 29 Jun 2022. Pengiktirafan Anugerah Pingat Hang Tuah ini seharusnya menjadi inspirasi kepada anak-anak Malaysia di luar sana untuk gigih menabur bakti murni, atau mencipta kejayaan gemilang dalam bidang dan minat masing-masing sebagai sumbangan kepada bangsa dan negara.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti di seluruh negara bersempena Sambutan Hari Kanak-Kanak bermula pada 7 Jun 2022. Antara acara yang telah dipertandingkan adalah **Pertandingan Khalifah Junior** yang bertujuan untuk mencungkil bakat dan menerapkan budaya kreatif kanak-kanak dalam aktiviti berteraskan nilai agama; dan **Pertandingan Kemahiran Junior Skills Challenge** yang bertujuan untuk memberi pendedahan awal kepada bidang kemahiran serta memupuk minat dalam kalangan kanak-kanak di institusi kanak-kanak terhadap latihan kemahiran.

KPWKM komited untuk meningkatkan kesejahteraan serta melindungi dan menjaga kebajikan kanak-kanak untuk memenuhi hasrat supaya kanak-kanak di Malaysia dapat membesar dengan potensi sepenuhnya.

Turut hadir dalam sambutan ini YBhg. Datuk Dr Maziah binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM, Encik Chua Choon Hwa, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) KPWKM dan YBhg. Dato' Shaharuddin bin Abu Sohot, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat.

**Unit Perhubungan Awam**  
**Jabatan Kebajikan Masyarakat**